

[FOTO IHSAN PEMBACA]



Dr Mohd Mokrish (tengah) bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Sri Selangor USJ 4.

Tingkat pengetahuan penyakit bawaan haiwan

→ Fakulti Perubatan Veterinar UPM anjur program kesedaran di sekolah

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Tahap kesedaran mengenai penyakit zoonotik atau penyakit bawaan haiwan masih rendah dalam kalangan masyarakat hingga menyebabkan risiko mudah diserang penyakit seperti kencing tikus dan keracunan makanan. Bagi meningkatkan

kesedaran umum khususnya pelajar peringkat rendah dan menengah, Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan program Kesedaran Penyakit Zoonotik di sekolah sekitar Lembah Klang, baru-baru ini.

Program berkenaan dianjurkan menerusi geran anugerah daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik (UNESCO) kepada Pensyarah Kanan Biokimia Veteri-

nar, Dr Mohd Mokrish Md Ajat pada Mac 2016.

Pengetahuan mengenai penyakit

Beliau berkata, kajian bertujuan meningkatkan kesedaran dan mendidik kanak-kanak dan pelajar mengenai apakah penyakit zoonotik dan kaedah terbaik mencegahnya.

Pada masa ini katanya, terdapat banyak kes membabitkan penyakit zoonotik misalnya di Kedah, ada pelajar dijangkiti penyakit kencing tikus selepas pulang berkelah di kawasan peranginan.

“Program berkenaan terbahagi kepada dua fasa berbentuk informatif dan interaktif. Fasa pertama membawa

pelajar memahami peranan doktor veterinar, apakah penyakit zoonotik, perbezaan bakteria, virus serta parasit.

“Fasa kedua pula, pelajar dibawa ke UPM Edu Park dan ladang ternakan seawal pagi untuk melihat bagaimana proses mengambil susu lembu,” katanya.

Tingkat penjagaan kesihatan

Dr Mohd Mokrish berkata, pelajar dididik mengenai kepentingan menjaga kebersihan makanan disediakan termasuk akan ditanya sama ada selamat untuk meminum terus susu yang baharu diperah atau memilih susu yang di dalam

kotak atau dipasteur.

Beliau berkata, pelajar dididik menjaga kebersihan termasuk membersihkan diri selepas menyentuh haiwan peliharaan seperti kucing dan kebersihan kawasan sekitar.

“Ini kerana penyakit zoonotik seperti kencing tikus sebenarnya berpunca daripada sikap masyarakat yang tidak menjaga kebersihan seperti membuang sisa makanan di merata tempat.

“Pada penghujung program, kajian diteruskan untuk melihat sama ada pelajar memahami apakah penyakit zoonotik dan sejauh mana kefahaman mereka mengenai risiko serangan,” katanya.

Info

Program kesedaran penyakit zoonotik

→ Projek bermula
1 Jun 2016 sehingga
30 September 2017

→ Setakat ini satu sekolah terbabit iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Selangor USJ 4

Stigma:

- Penyakit kencing tikus dibawa oleh bakteria bukan virus.
- Bakteria leptospira dibawa oleh tikus di dalam air kencingnya yang disembarkan ke dalam tanah dan air.
- Terdapat bakteria yang baik untuk kesihatan seperti yang terdapat di dalam yogurt.
- Cirit-birit dan demam berpunca daripada bakteria salmonella, dan e-coli
- Susu mentah boleh menyebabkan jangkitan serius.

Apakah susu dipasteur:

- Proses memanaskan susu pada suhu tinggi dalam tempoh lama untuk membunuh bakteria di dalam susu.